

SULIT



PEJABAT PELAJARAN DAERAH MELAKA TENGAH

PEPERIKSAAN PRA PMR (SET 3) PENILAIAN MENENGAH RENDAH 2009 21/1

SEJARAH
Kertas 1
September
1 ¼ jam

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 60 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*

Kertas soalan ini mengandungi 22 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

1 Apakah yang anda faham dengan pengertian sejarah?

- A Mempunyai unsur legenda
- B Peristiwa telah berlaku
- C Fakta ditokok tambah
- D Riwayat hidup raja

2 Senarai berikut diklafikasikan sebagai sumber pertama.

- Fail rasmi jabatan
- Manuskrip

Mengapakah sumber tersebut bersifat demikian?

- A Bersifat asli
- B Bahan telah dicetak
- C Maklumat boleh ditafsir
- D Catatan peristiwa semasa

3 Dialog berikut mungkin berlaku di dalam kelas pembelajaran Sejarah.

Cikgu : Apakah peralatan utama masyarakat Paleolitik?
Ahmad : Alatan batu, cikgu.
Cikgu : Apakah alatan yang mereka gunakan untuk memotong daging?
Ahmad :

Apakah jawapan mungkin diberi oleh Ahmad?

- A Beliung
- B Alat repihan
- C Alat penetak
- D Kapak genggam

4 Senarai berikut merujuk kepada kegiatan ekonomi masyarakat zaman prasejarah

- Menternak binatang
- Mencipta peralatan tembikar
- Berdagang secara sistem barter

Aktiviti tersebut diusahakan oleh masyarakat zaman

- A Paleolitik
- B Mesolitik
- C Neolitik
- D Logam

5 Senarai berikut merupakan kerajaan awal di Asia Tenggara.

- Srivijaya
- Kedah Tua
- Majapahit

Mengapakah kerajaan tersebut mencapai kemajuan yang membanggakan dalam bidang perdagangan?

- A Kekayaan hasil bumi
- B Kemahiran membina kapal
- C Kepadatan penduduk
- D Kemajuan sistem pengairan

6 Monolog berikut mungkin diungkapkan oleh pemerintah kerajaan Angkor.

Raja Indravarman 1 : Beta bercadang untuk membina sebuah baray
Untuk menampung 30 juta meter padu air

Apakah kegunaan baray tersebut?

- A Menternak ikan
- B Mengairi sawah padi
- C Mengusahakan ternakan
- D Memenuhi keperluan harian

7 Nama Melaka berasal daripada bahasa Arab “Mulaqah”

Apakah maksud istilah tersebut?

- A Pertemuan
- B Keajaiban
- C Perhimpunan
- D Keistimewaan


8 Senarai berikut merupakan antara barangan yang diberikan oleh kerajaan China kepada kerajaan Melaka.

- Payung kuning
- Cap mohor
- Pakaian

Mengapakah kerajaan China berbuat demikian?

- A Simbol kebanggaan
- B Lambang pengiktirafan
- C Memperlihatkan kekuasaan
- D Menonjolkan kekayaan

9 Rajah berikut berkaitan bidang tugas Syahbandar untuk melicinkan urusan perdagangan di Melaka.



Apakah X?

- A. Menjadi hakim
- B. Membaiki kapal
- C. Mengurus pinjaman
- D. Menggubal peraturan

- 10 Maklumat berikut merupakan peristiwa yang dihadapi oleh Bendahara Tun Mutahir di Melaka.

- Difitnah cuba mengatasi kekayaan sultan
- Dihukum bunuh oleh Sultan Mahmud Syah

Mengapakah beliau menghadapi situasi tersebut?

- A Menjadi tali barut musuh luar
 B Mengamalkan sikap pilih kasih
 C Mengenakan pelbagai jenis cukai
 D Menerima rasuah daripada saudagar
- 11 Jadual berikut merujuk kepada pusat pentadbiran kerajaan Johor dan sultan yang memerintah.

Sultan	Kawasan
Sultan Alauddin Riayat Shah	Pekan Tua
Sultan Muzafar Syah	Sayong
Sultan Ali Jalla Abdul Jalil	Tanah Putih

Mengapakah pusat pentadbiran tersebut sentiasa mengalami perubahan?

- A Membangunkan pedalaman
 B Memajukan perdagangan
 C Muslihat mempertahankan diri
 D Memperkemas pentadbiran
- 12 Mengapakah kerajaan Kedah menjadi tumpuan pedagang-pedagang dari negara berikut .

- Arab
- Parsi
- China

- A Perlindungan kerajaan China
 B Kekayaan hasil rempah
 C Panduan Gunung Jerai
 D Kedudukan yang strategik

13 Apakah tujuan hukuman yang dilaksanakan dalam Adat Perpatih?

- A Pengawalan
- B Pengajaran
- C Pencegahan
- D Pemulihan

14 Apakah kepercayaan masyarakat Penan yang dianggap unik di Sarawak?

- I Amalan menjamu ipok
- II Galakan menindik telinga
- III Larangan hidup menetap
- IV Tegahan menebang pokok besar

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

15 Senarai berikut merupakan malapetaka yang mungkin menimpa masyarakat Kadazandusun di Sabah.

- Wabak penyakit
 - Bencana alam
 - Kerosakan tanaman

Bagaimanakah malapetaka tersebut dapat dihindarkan?

- A Menjamu makhluk ghaib
- B Menghormati pantang larang
- C Mematuhi undang-undang adat
- D Menyemah kawasan penempatan

16 Mengapakah Syarikat Hindia Timur Inggeris berminat untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai pangkalan tentera di Kepulauan Melayu.

- A Menyekat pengaruh Siam
- B Meluaskan kuasa ke Burma
- C Menghapuskan monopoli Belanda
- D Mempertahan petempatan di India

- 17 Pernyataan berikut menggambarkan peristiwa yang berlaku di Kedah pada akhir kurun ke-18.

Pelantikan Tunku Abdullah sebagai Raja Muda Kedah telah menimbulkan pertikaian di antara Sultan Muhammad Jiwa dengan kerabat diraja Kedah


Apakah kesan daripada peristiwa tersebut?

- A Tentera Bugis menawan Kedah
 - B Campur tangan Belanda di Kedah
 - C Sultan mendapatkan bantuan Siam
 - D Kedah menerima Penasihat British
- 18 Jadual berikut merupakan perjanjian yang telah ditandatangani antara Sultan Abdullah dengan Francis Light.

Tahun	Peristiwa
1786	Perjanjian Inggeris – Kedah

Apakah implikasi daripada perjanjian tersebut?

- A Perlantikan pegawai Inggeris sebagai penasihat Sultan Kedah
 - B Kemunculan Kedah sebagai pusat perdagangan antarabangsa
 - C Kedah bebas daripada ancaman Siam
 - D Pembukaan Pulau Pinang oleh British
- 19 Rajah berikut menunjukkan berlaku perubahan dalam pucuk pimpinan kerajaan Britain.



Apakah kesan daripada perubahan tersebut?

- A Perkembangan perdagangan antarabangsa
- B Pengamalan sistem demokrasi
- C Pengimportan bahan mentah
- D Perluasan tanah jajahan


20 Raja Abdullah tidak berpuas hati dengan perlantikan Raja Ismail sebagai Sultan Perak selepas kemangkatan Sultan Ali pada tahun 1871. Apakah langkah yang diambil oleh baginda agar diiktiraf sebagai Sultan Perak?

- A Mengadakan rundingan dengan pembesar
- B Mendapatkan sokongan kongsi gelap
- C Memburuk-burukkan pembesar lain
- D Meminta campur tangan luar

21 Apakah peristiwa yang meletakkan Selangor di bawah naungan penjajah Barat?

- A Persengketaan kongsi gelap
- B Rompakan kapal dagang
- C Penguasaan lombong bijih
- D Perebutan menguasai daerah

22 Garis masa berikut menerangkan perjanjian yang ditandatangani antara British dengan Siam.



Apakah kepentingan perjanjian tersebut kepada British?

- A Memperluas kedudukan di Siam
- B Memperkukuh pengaruh di Tanah Melayu
- C Menguasai perdagangan di rantau Asia Tenggara
- D Menyekat penguasaan Belanda di Kepulauan Melayu

23 Apakah tindakan Tunku Mahmud menggagalkan usaha George Maxwell menerapkan pengaruh Barat di Kedah?


- A Mengambil tindakan mahkamah
- B Melancarkan mogok beramai-ramai
- C Menganjurkan tunjuk perasaan
- D Menulis surat bantahan

- 24 Senarai berikut merujuk kepada langkah yang dibuat oleh Tunku Mahmud semasa mengetuai Majlis Mesyuarat Negeri di Kedah

- Penggunaan bahasa Melayu dalam perundangan
- Cuti umum pada hari Jumaat
- Melantik orang Melayu dalam pentadbiran

Mengapakah beliau berbuat demikian?

- A Mempertahan identiti negeri
 B Mengekalkan kemerdekaan
 C Menghalang campur tangan asing
 D Memodenkan sistem pentadbiran
- 25 Rajah berikut menunjukkan perubahan dasar pemerintahan Sultan Brunei di Sarawak



Mengapakah perubahan tersebut berlaku?

- A Menamatkan pemberontakan
 B Menguasai kekayaan mentah
 C Menjamin kedaulatan negeri
 D Mengukuhkan kuasa
- 26 Tokoh berikut telah diarahkan oleh Sultan Brunei untuk pergi ke Sarawak pada kurun ke -19.

Pengeran Raja Muda Hashim

Apakah tanggungjawab beliau?

- A Menandatangani konsesi perdagangan
 B Menguruskan perlombongan emas
 C Menggubal perlembagaan negeri
 D Menamatkan pemberontakan

- 27 Senarai berikut merupakan pembesar Melayu yang dilantik oleh James Brooke untuk mentadbir Sarawak.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Datu Patinggi • Datu Bandar • Datu Temenggung |
|---|

Mengapakah beliau melibatkan pembesar tersebut dalam pentadbiran?

- A Melicinkan pentadbiran
 B Mengiktiraf jasa pemimpin
 C Melatih ke arah berkerajaan sendiri
 D Mendapatkan sokongan penduduk tempatan
- 28 Mahkamah Majistret merupakan diwujudkan semasa pemerintahan SBUB di Sabah.

Mengapakah SBUB mewujudkan mahkamah tersebut?

- A Melaksanakan undang-undang Barat
 B Memenuhi hak penduduk tempatan
 C Menggubal undang-undang adat
 D Mengukuhkan kuasa British
- 29 Senarai berikut merupakan pelbagai jenis cukai yang diperkenalkan oleh SBUB di Sabah.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Cukai tanah • Cukai senjata • Cukai lesen perahu |
|--|

Mengapakah SBUB memperkenalkan cukai tersebut?

- A Memperkenal sistem ekonomi moden
 B Mengekalkan kehidupan tradisi
 C Mengatasi masalah kewangan
 D Menindas penduduk peribumi

- 30 Senarai berikut merupakan tanaman baru yang diperkenalkan oleh British di Tanah Melayu pada kurun ke 20.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Kopi • Tembakau • Kelapa sawit |
|--|

Mengapakah British memperkenalkan tanaman tersebut?

- A Ketidakstabilan harga tanaman tradisional
 B Mempelbagaikan kegiatan ekonomi
 C Mempunyai tenaga buruh ramai
 D Permintaan tinggi di pasaran dunia
- 31 Jadual berikut menunjukkan pertambahan keluasan ladang getah di Tanah Melayu antara tahun 1901 hingga 1912.

Tahun	Keluasan (ekar)
1901	5965
1908	240 000
1912	642 000

Mengapakah keluasan ladang getah tersebut meningkat?

- I Kemasukan buruh India
 II Galakan kerajaan British
 III Harga melambung tinggi
 IV Permintaan meningkat
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

- 32 Maklumat berikut merupakan slogan yang dipegang oleh masyarakat Iban di Sarawak.

Agi Idup, Agi Ngelaban

Mengapakah slogan di atas menjadi pegangan masyarakat tersebut?

- A Mengejar kemajuan
 - B Meningkatkan jati diri
 - C Mempertahankan maruah
 - D Menyemai semangat patriotik
- 33 Mengapakah Sultan Ahmad melucutkan gelaran Orang Kaya Dato' Setia Perkasa Pahlawan Semantan yang dianugerahkan kepada Dato' Bahaman?
- A Ingkar arahan
 - B Monopoli kutipan cukai
 - C Desakan pembesar lain
 - D Paksaan penjajah

- 34 Maklumat berikut merupakan peristiwa yang berlaku di Asia pada awal kurun ke 20

- Perang Rusia Jepun
- Revolusi China

Apakah implikasi peristiwa tersebut kepada penduduk Tanah Melayu?

- A Kebangkitan gerakan kebangsaan
- B Kerjasama kaum bertambah kukuh
- C Pembentukan pasukan tentera yang mantap
- D Penentangan secara radikal terhadap penjajah

- 35 Jadual di bawah merupakan peristiwa yang dianjurkan oleh Kesatuan Melayu Singapura dan Persatuan Melayu Selangor

Tahun	Peristiwa
1939	Kongres Melayu Se- Tanah Melayu diadakan di Kuala Lumpur

Apakah tujuan kongres tersebut diadakan?

- A Mewujudkan perpaduan orang Melayu
- B Menuntut kemerdekaan daripada British
- C Memulihkan kedudukan Raja-Raja Melayu
- D Memartabatkan penggunaan Bahasa Melayu

- 36 Maklumat berikut merujuk kepada kapal perang British di Tanah Melayu pada abad ke 20

<ul style="list-style-type: none"> • Repulse • Prince of Wales
--

Apakah misi kapal perang tersebut?

- A Membawa bekalan bahan mentah
- B Membekal makanan ke Singapura
- C Mengawasi kawasan perairan
- D Menyekat kemaraan Jepun

- 37 Maklumat berikut berkaitan gerakan anti Jepun di Tanah Melayu

<ul style="list-style-type: none"> • Ditubuhkan oleh Parti Komunis Malaya • Bekerjasama dengan British • Menggunakan taktik perang gerila
--

Apakah pasukan yang dimaksudkan?

- A Force 136
- B Gerila Kinabalu
- C Askar Melayu Setia
- D Malayan People`s Anti Japanese Army

38 Maklumat berikut merupakan dasar pemerintahan tentera Jepun di Tanah Melayu

- Nippon-Go sebagai bahasa pengantar
- Kimigayo dinyanyikan setiap pagi di sekolah

Mengapakah Jepun melaksanakan dasar tersebut?

- A Menjayakan proses penjepunan
- B Menjaga kebajikan rakyat
- C Memupuk perpaduan
- D Mewujudkan kepelbagaian budaya


39 Pernyataan berikut menggambarkan cara kemaraan tentera Jepun untuk menguasai Tanah Melayu

Tentera Jepun memasuki Tanah Melayu dengan menggunakan basikal

Mengapakah mereka menggunakan cara tersebut?

- A Melancarkan perjalanan
- B Menggunakan kemudahan sedia ada
- C Mempunyai bilangan tentera yang ramai
- D Mengatasi masalah kekurangan pengangkutan

40 Rajah berikut menunjukkan perubahan status Tanah Melayu



Apakah implikasi perubahan tersebut?

- A Kuasa Raja-Raja Melayu terhad
- B Pemberian kerakyatan diperketat
- C Rakyat terlibat dalam pentadbiran
- D Residen mengetuai Malayan Union

- 41 Andaikan anda ingin menyuarakan bantahan terhadap pelaksanaan Malayan Union di Tanah Melayu.

Akhbar manakah yang menjadi pilihan anda?

- A Warta Malaya
- B Utusan Melayu
- C Suara Benar
- D Pengasuh

- 42 Jadual berikut berkaitan Kongres Melayu Kedua

Tarikh	30 hingga 31 Mac 1946
Kehadiran	9 wakil daripada persatuan-persatuan negeri Melayu
Tempat	Kuala Lumpur

Apakah keputusan yang dicapai dalam perbincangan tersebut?

- A Menyokong pembentukan Malaysia
 - B Membantah pengisytiharaan Malayan Union
 - C Menuntut orang Melayu berkabung
 - D Menubuhkan UMNO
- 43 UMNO ditubuhkan pada 11 Mei 1946 di Johor Bahru
Apakah tujuan penubuhannya?
- A Menyegerakan kemerdekaan
 - B Menubuhkan Persekutuan Tanah Melayu
 - C Menentang penubuhan Malayan Union
 - D Memberi peluang orang Melayu berpolitik

- 44 Peristiwa berikut berlaku melalui Rancangan Briggs yang diperkenalkan oleh British

Lebih 400 000 orang penduduk setingan Cina dipindahkan ke lebih kurang 400 buah kampung baru di seluruh Tanah Melayu

Mengapakah British bertindak demikian?


- A Mewujudkan keseimbangan kaum
- B Melumpuhkan gerakan komunis
- C Membangunkan kawasan luar bandar
- D Mengutamakan aspek keselamatan

- 45 Jadual berikut merupakan tindakan Sir Gerald Templer melonggarkan syarat kewarganegaraan di Tanah Melayu

Tahun	Perkara
1952	Seramai 1.2 juta orang Cina dan 180 ribu orang India menjadi warganegara Tanah Melayu

Mengapakah beliau berbuat demikian?

- A Memajukan ekonomi dagangan
 - B Menjaga keselamatan negara
 - C Menjayakan perang saraf
 - D Mewujudkan masyarakat pelbagai kaum
- 46 Garis masa berikut merupakan peristiwa penting yang berlaku di Tanah Melayu



Apakah peristiwa tersebut?


- A Langkah menangani rusuhan kaum
- B Usaha British membanteras komunis
- C Mengekang pemberontakan orang Melayu
- D Tindakan British melambatkan kemaraan Jepun

- 47 Maklumat berikut merupakan pasukan yang ditubuhkan oleh British di Tanah Melayu.



Apakah peranan pasukan tersebut?

- A Menyekat bekalan makanan
 B Mengadakan sekatan jalan raya
 C Menjaga keselamatan kampung
 D Melindungi pembesar tempatan
- 48 Rajah berikut merupakan pembentukan Parti Perikatan



Mengapakah pakatan tersebut dibentuk?

- A Menolak pengaruh komunis
 B Mewujudkan perpaduan kaum
 C Memajukan ekonomi negara
 D Menyebarkan ideologi politik sendiri
- 49 Senarai berikut merupakan manifesto Parti Perikatan dalam pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan pada tahun 1955

- Mewajibkan pendidikan rendah
- Melindungi hak raja-raja Melayu
- Menamatkan darurat

Apakah kepentingan manifesto tersebut?

- A Melindungi hak rakyat
 B Menunjukkan kebijaksanaan parti
 C Meraih sokongan pelbagai kaum
 D Memperlihatkan kewibawaan memimpin

50. Mengapakah Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum diwujudkan di Tanah Melayu pada tahun 1949?
- A Melaksanakan rundingan kemerdekaan
 - B Menentukan wakil pilihan raya
 - C Mencapai perpaduan kaum
 - D Mengadakan pungutan suara

51. Maklumat berikut berkaitan Sistem Ahli

Sistem Ahli dilaksanakan di Tanah Melayu pada bulan April 1951 hingga bulan Jun 1955

Apakah kepentingan sistem tersebut kepada pemimpin pelbagai kaum?


- A Mendapat latihan pentadbiran
 - B Mewujudkan persaingan secara sihat
 - C Mengamalkan dasar perkongsian kuasa
 - D Memperjuangkan kepentingan kaum masing-masing
52. Jadual berikut berkaitan Suruhanjaya Reid

Tahun	Mac 1956
Perkara	Pembentukan Suruhanjaya Reid
Pengerusi	Lord William Reid

Apakah matlamat penubuhan suruhanjaya tersebut?

- A Menyusun perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu
- B Mencadangkan tarikh kemerdekaan Tanah Melayu
- C Merangka bidang tugas kerajaan pusat
- D Mengendalikan pilihan raya umum

53 Rajah berikut berkaitan isi kandungan Perlembagaan Merdeka



Apakah X?

- A Perdana Menteri sebagai ketua negara
- B Sumber ekonomi diusahakan secara bersama
- C Kedudukan istimewa orang Melayu dilindungi
- D Penglibatan pelbagai kaum dalam sektor kerajaan

54 Tokoh berikut merupakan antara wakil rombongan Parti Perikatan ke London pada awal tahun 1956

- Tun Abdul Razak
- Tun Dr Ismail
- Tun H.S. Lee

Apakah tujuan wakil rombongan tersebut?

- A Mencadangkan tarikh pilihan raya umum Tanah Melayu
- B Menggubal Perlembagaan Tanah Melayu
- C Rundingan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu
- D Membincangkan bentuk pentadbiran Persekutuan Tanah Melayu

55 Cikgu Lily Eberwein memberikan sumbangan dalam gerakan anti penyerahan di Sarawak

Bagaimanakah beliau menunjukkan sokongan terhadap gerakan tersebut?

- A Menyemai sikap anti penjajah
- B Melancarkan demonstrasi jalanan
- C Mendapatkan sokongan orang Iban
- D Menghantar surat bantahan kepada British

56 Senarai berikut merupakan antara parti yang membentuk Perikatan di Sabah.

- Pasok Momogun
- Pertubuhan Cina Sabah
- Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu

Mengapakah pakatan tersebut dibentuk?

- A Mengambil bahagian dalam pilihan raya
- B Membaiki sosioekonomi bumiputera
- C Mengukuhkan perpaduan kaum
- D Menyegerakan kemerdekaan

57 Senarai berikut merupakan persatuan yang mengadakan tunjuk perasaan besar-besaran di Kuching pada 1 Julai 1947

- Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak
- Barisan Pemuda Melayu Sibul
- Persatuan Dayak Sarawak

Mengapakah persatuan tersebut melancarkan tunjuk perasaan?

- A Penghakisan kuasa pembesar
- B Membantah perlantikan gabenor pertama
- C Pembunuhan ahli gerakan antipenyerahan
- D Memprotes pemecatan kakitangan kerajaan

58 Apakah peranan Jawatankuasa Perunding Perpaduan Malaysia ke arah pembentukan Persekutuan Malaysia?

- A Membincangkan kepentingan penduduk
- B Memberi penerangan kepada pemimpin
- C Meninjau pandangan penduduk
- D Mengemukakan tuntutan rakyat

- 59 Maklumat berikut merupakan memorandum rakyat Sabah dan Sarawak yang telah diterima untuk dimasukkan ke dalam perlembagaan Persekutuan Malaysia

Tuntutan 20 Perkara

Apakah nilai yang boleh dipelajari oleh generasi hari ini berdasarkan tuntutan tersebut?

- A Toleransi
- B Pepaduan
- C Tanggungjawab
- D Semangat muhibbah

- 60 Pernyataan berikut dikemukakan oleh Tun Abdul Razak

Tindakan memisahkan Singapura daripada Malaysia umpama menyingkirkan
“duri dalam daging”

Apakah kepentingan penyingkiran tersebut kepada rakyat Malaysia?

- I Menjamin keharmonian
 - II Memastikan perpaduan
 - III Mengekalkan kedaulatan
 - IV Mengembalikan maruah bangsa
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

KERTAS SOALAN TAMAT

SULIT



**PEJABAT PELAJARAN DAERAH
MELAKA TENGAH**

**PEPERIKSAAN PRA PMR
PENILAIAN MENENGAH RENDAH 2009 21/1**

**SEJARAH
Kertas 1
September
1 ¼ jam**

Satu jam lima belas minit

***SKEMA JAWAPAN
(SET 3)***

JAWAPAN

BIL	JAWAPAN	M/S	BIL	JAWAPAN	M/S
1	B	4	31	D	131
2	A	9	32	C	169
3	C	23	33	D	179
4	C	26	34	A	201
5	B	34	35	A	214
6	B	34	36	D	7
7	A	50	37	D	25
8	B	51	38	A	18
9	A	63	39	A	9
10	B	91	40	A	59
11	C	103-104	41	B	56
12	D	123	42	B	61
13	D	148	43	C	64
14	D	186	44	B	95
15	D	195	45	C	100
16	C	4	46	B	91-98
17	D	4	47	C	93
18	D	7-8	48	B	134
19	D	32	49	C	138
20	D	35	50	C	121
21	B	39	51	A	131
22	B	56-57	52	A	153
23	A	59	53	C	157
24	A	59	54	C	148
25	B	77	55	C	180
26	D	77	56	A	192
27	D	83	57	B	181
28	A	108	58	B	214
29	C	111	59	A	216
30	A	128	60	A	228